

Hutan Simpan Ayer Itam Tambahan (2010-kini)

Dirujuk oleh

- [Hutan Simpan Ayer Itam \(1905-kini\)](#)

Kronologi

2004-04-01: Laporan Akhbar Tapak Perkuburan

"Akhbar melaporkan bahawa dengan keluasan 22 hektar ekar di HSAH antara Saujana Puchong dan Lestari Putra akan dibina dan dijadikan tapak perkuburan. Penduduk mula meminta pertolongan dari ahli UMNO, MCA dan Gerakan."

2005-04-25: Surat Makluman Rasmi MPSJ

"MPSJ menghantar surat rasmi kepada dua rumah berdekatan sahaja daripada lebih 10,000 unit rumah kediaman. Surat itu bertujuan memaklumkan tentang perancangan kubur ini dan meminta pemilik rumah membalas surat berkenaan dalam tempoh 21 hari dengan memberi pendapat tentang hal ini."

2005-10-03: Penubuhan Signature Campaign Teamwork (SCT)

"Protem penduduk SCT telah ditubuhkan untuk menjalankan kempen tandatangan, terdapat 1,701 dari 1,983 unit rumah yang didiami (berdasarkan hanya satu tandatangan untuk satu rumah). Ini mengesahkan sebanyak 86 peratus majoriti suara bantahan."

2005-12-04: Makluman Perancangan Protes

"SCT memaklumkan secara rasmi kepada semua jawatankuasa kerajaan yang berkhidmat untuk Saujana Puchong bahawa satu protes besar akan dilancarkan bagi menunjuk rasa ketidakpuasan hati atas perancangan Kerajaan Negeri yang tidak munasabah. Hanya MPSJ membalas di mana suatu perjumpaan penduduk akan diadakan di Ibu Pejabat MPSJ pada 15/12/05."

2005-12-20: Keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES)

"20/12/2005: YDP MPSJ telah membawa hal ini ke mesyuarat MTES (Majlis Tindakan Ekonomi Selangor)."

"22/12/2005: Yang Dipertua MPSJ bertemu SCT dan memaklumkan keputusan MTES adalah mengekalkan perancangan itu tanpa mengambil kira sebab bantahan."

2006-01-20: Rayuan Kepada MB Selangor

"SCT terus merayu kepada Menteri Besar Selangor atas keputusan MTES yang tidak adil."

2006-01-27: SCT Memulakan Tindakan Undang-Undang

"SCT mendaftarkan tindakan perundangan di Mahkamah Tinggi Shah Alam dalam tempoh 40 hari dari surat MTES untuk menjamkin tindakan 'Judicial Review' dapat disahkan. SCT memulakan kempen kutipan yuran mahkamah dari penduduk dan kutipan berjaya diperoleh RM80,000."

2006-03-27: Memorandum SCT Kepada Pelbagai Pihak

"27/03/2006-11/03/2007: SCT menghantar memorandum memohon pertolongan daripada bekas Ahli Parlimen Puchong, Lau Yeng Peng, badan pertubuhan bukan kerajaan dan kepada 54 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi mendapatkan pendirian berkenaan isu kubur."

(Sumber kronologi 2004-2006: Sinar Harian, 18 Januari 2010 @ Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 25 Januari 2010:

|
"Newspaper Cuttings on 17 Jan 2010 Press Conference").

2007-04-17: Kerja Ukur Mula Dijalankan



Surat Kebenaran Kerja Ukur daripada MPSJ: *"On Saturday, 5 May 2007, one resident in Saujana Puchong saw a few workers doing some boundary measurements at the cemetery site. The witty lady immediately asked the workers what they are doing and requested for the authorization letter. To her surprise, it is a letter by MPSJ authorizing MRI Consultancy to do the boundary survey for the cemetery. A copy of the letter is attached here."* (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 6 Mei 2007:

"MPSJ Disrespects Court Order And Starts work on the cemetery").

"Kerja mengukur tanah untuk memulakan rancangan tanah perkuburan di HSAS dijalankan menyebabkan kemarahan penduduk yang mengadakan protes pada hari yang sama." (Sinar Harian, 18 Januari 2010 @ Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 25 Januari 2010:

"Newspaper Cuttings on 17 Jan 2010 Press Conference").

2007-05-06: Bantahan Penduduk

Star 8 May 2007

TUESDAY 8 MAY 2007

Residents dead set against cemetery

They strongly oppose move to turn green lung into a grave yard

Story and photos by **DEBBIE CHAN**
debbie@thestar.com.my

SAJANA Puchong residents are getting more frustrated by the day as their campaign to stop a neighbouring forest reserve from being turned into a cemetery seems to be falling on deaf ears.

The move to turn the Ayer Hitam Forest Reserve into a cemetery was first proposed in 2004 but was met with fierce objections from residents who were not aware of the project when they bought their homes.

"If I had known, I would not have bought a house here," said Ng Chee Kwong.

The development was completed in 2002 and most of the residents moved in during that period.

For the past two years, residents have been constantly in discussions and voicing their concerns to the Subang Jaya Municipal Council (MPSJ). They have even raised funds for legal fees to get an injunction against the project.



»I think the planning is the main issue«

AZMI SALLEH

Keep it green: Saujana Puchong residents want the Ayer Hitam Forest Reserve to stay. (Inset) **Ng:** It's not rational to build a cemetery in the middle of a housing estate.



(The Star, 8 May 2007:

"re: Newspaper Cuttings of protest on May 6, 2007").

2006-05-25: Penyahwartaan Untuk Perkuburan

"Senarai hutan simpanan kekal yang telah dibatalkan untuk tujuan pembangunan dari tahun 2003 sehingga 2013: Bil.: 4.; Hutan Simpan: Ayer Hitam; Keluasan (HA): 22.26; Tarikh Pembatalan: 25/5/2006; Tujuan: Tanah Perkuburan" (Rajiv A/I Rishyakaran, Dewan Negeri Selangor, Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Tahun 2013, 08 Julai 2013:

"117) HUTAN").



Gambar-gambar sekitar lokasi protes



"Newspaper cutting on the event"

(Sumber: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 16 Ogos 2007:

"Protest in Lestari Puchong on 12 August 2007").

2007-12-16: Memorandum Kepada Ahli Parlimen Puchong



"Penyerahan Memorandum kepada Ahli Parlimen Puchong" (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 30 Disember 2007:

"Laporan Akhbar Untuk Penyerahan Memorandum kepada Ahli Parlimen Puchong 16 Dec 2007").

2008-02-13: Memorandum Kepada DS Khir Toyo

"SCT mengetuai penduduk menghantar memorandum kepada bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohd Khir Toyo agar memindahkan tapak perkuburan seluas 60 hektar ke tempat lain yang lebih sesuai." (Sinar Harian, 18 Januari 2010 @ Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 25 Januari 2010:

"Newspaper Cuttings on 17 Jan 2010 Press Conference").

2009-09-27: Liputan Pelbagai Akhbar



"Selama lima tahun, penduduk Taman Saujana Puchong telah berkempen membantah rancangan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) untuk menjadi sebahagian daripada hutan simpan Ayer Hitam sebagai kawasan tanah perkuburan. Sewaktu sesi dialog dengan pegawai kerajaan negeri pada 22 Jun lalu, penduduk dijanjikan oleh pengerusi jawatankuasa setinggan, pengurusan bangunan dan perumahan, Iskandar Abdul Samad bahawa penyelesaiannya akan dicapai dalam tempoh tiga bulan. Dan kini, tempoh tiga bulan itu yang berakhir pada 22 September telah berlalu tanpa sebarang maklumat dari pihak berkuasa. Sehubungan itu, jawatankuasa sementara membantah projek tanah perkuburan itu, menulis surat kepada Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim untuk mendapatkan penjelasan mengenainya. 'Mereka bersama kami sebelum menjadi kerajaan. Kami berharap mereka cepat membuat keputusan mengenai perkara itu. Kami mahu tinggal di sini dalam keadaan aman dan tidak perlu bimbang mengenai tanah perkuburan tersebut,' kata jurucakapnya Lau Seng You (kiri).

Cadangan untuk membina tanah perkuburan awam seluas 55 hektar di situ, termasuk tempat membakar mayat - yang dianggap terbesar di negara ini - akan membabitkan sebahagian besar kawasan hutan simpan yang kini dimiliki Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan kini digunakan untuk tujuan penyelidikan. Menurut penduduk, hutan simpan seluas 3,000 hektar itu adalah antara segelintir kawasan hijau yang masih tinggal di negara ini. Ia juga menjadi tempatan tinggal masyarakat Orang Asli. Kira-kira 1,500 penduduk di situ bimbang mengenai kejatuhan nilai hartanah serta pencemaran alam sekitar ekoran cadangan pembinaan tempat pembakaran di situ. Wakil jawatankuasa sementara penduduk itu telah memfailkan semakan kehakiman pada 2006 tetapi kes berkenaan telah beberapa kali ditangguhkan. Hari ini penduduk telah membawa pihak media ke pinggir kawasan hutan simpan tersebut untuk bergambar bersama kain rentang yang dibuat pada 2007, dengan kandungannya disarankan oleh Iskandar, yang juga seorang ahli politik PAS. Lau berkata, walaupun perkara itu telah dibawa ke mahkamah dan tarikh untuk mendengarnya belum ditetapkan, tetapi pihaknya berharap ianya dapat diselesaikan di luar mahkamah."

(Sumber: Andrew Ong, Malaysiakini, 27 September 2009:

"Penduduk tuntutan pendirian Pakatan tentang tanah perkuburan").



Kiri: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 30 September 2009:

China Press, 28 September 2009.

Kanan: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 30 September 2009:

Sinchew, 28 September 2009.



盼民聯解決5年糾結

潮州政府時已發生，問題却一直無法獲得解決，因此委員會希望當時與他們一起鬥爭的民聯州政府能盡快解決此課題。

他促請民聯州政府勿再敷衍居民及拖延時間，應馬上完成後續工作，還居民一個回覆。(TSM)

委員會理事劉成有希望，目前的民聯州政府能拿出魄力透明化解決問題，正式在法理上解決此事。

他指出，此項問題已紛擾約5年，自前

東方日報 2009年9月28日 • 星期一 東方前線 • MC13

反对建墓地5年 蒲种人冀速解决

(蒲种27日讯) 反对义山委员会强烈要求州政府早日给予答覆，以彻底解决蒲种当地居民5年的蒲种绍嘉娜逸依森林保留地兴建墓地计划!

据了解，当地居民坚决反对在住宅区附近兴建墓地，并在6月22日举办的听证会上呈交备忘录予雪州行政议员黄浩冰和伊斯干达，希望州政府协助解决有关问题。

第3届反对义山委员会主席李丰健指出，伊斯干达在有关听证会上表示将在3个月内，即本月22日(周二)前给予答覆。惟至今限期已过，他们仍未接获任何回覆。

「伊斯干达在听证会上向我们承诺在3个月内解决，却在事后为媒体表示将在明年年初解决，前后矛盾。为此，我希望透过媒体报导，要求州政府尽早给予当地人民一个明确交待和解决方案。」

他是针对蒲种绍嘉娜逸依森林保留地兴建墓地计划召开记者会时，如是表示。出席者包括副秘书长陈捷夫、财政林豪杰、理事刘成有、吴治江、孙雷发、欧阳咏雄和王义贺。据悉，受牵连的住宅区包括曼斯达利蒲种、大进城、武吉蒲种镇、蒲种珍珠花园和蒲种绍嘉娜逾1000户人口。

近期呈备忘录

同时，他们也将近几天内呈交有关备忘录予雪州大臣和各雪州行政议员，并呈交备忘录给印本于埃那再的国会议员主席。有关备忘录要求州政府给予一个解决有关问题的准确日期。

刘成有指出，有关兴建墓地计划尚未开始，许多人听闻有关计划后都不敢购买当地房屋，令当地房屋价已下降30%。

刘成有指出，有关兴建墓地计划尚未开始，许多人听闻有关计划后都不敢购买当地房屋，令当地房屋价已下降30%。居民都难以想像展开兴建计划后的后果。」

他希望州政府尽早解决此事，即取消有关计划，并通过媒体宣布取消并恢复有关森林保留地，让当地居民安心规划未来。

Kiri: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 30 September 2009:

Kwongwah KB7 28 Sept 2009.

Kanan: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 30 September 2009:

Oriental Daily MC13 28 Sept 2009.

2009-10-25: TS Khalid Ibrahim Menjanjikan Pewartaan Semula

“Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengeluarkan kenyataan bahawa tapak perkuburan akan digazetkan semula apabila lokasi baru pembinaan kubur ditemui.”

“09/01/2010: Exco berkaitan mengumumkan projek pembinaan kubur dibatalkan dalam laporan akhbar berbahasa Cina.”

(Sumber: Sinar Harian, 18 Januari 2010 @ Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 25 Januari 2010:

"Newspaper Cuttings on 17 Jan 2010 Press Conference").

2010-01-17: Desakan Pewartaan Semula

"Penduduk dan SCT mahu Kerajaan Negeri mengeluarkan hitam putih dan seterusnya mengazetkan semula HSAH sebagai hutan simpanan kekal."




Kiri: Sinar Harian, 18 Januari 2010

Kanan: China Press, 18 Januari 2010

(Sumber: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 25 Januari 2010:

"Newspaper Cuttings on 17 Jan 2010 Press Conference").

2010-04-20: Surat Pembatalan Projek



Surat pembatalan projek daripada pihak kerajaan negeri: *"Reply Letter dated 20 April 2010 from the State Legal Advisor informing the cemetery project has been cancelled and the land will be regazetted"* (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 21 Jun 2010:

"Documents For 20 June 2010 Press Conference").

2010-06-20: Memorandum Tuntutan Pewartaan Semula

Signature Campaign Teamwork (SCT)
 (Bender Bahli Puchong, Gateway Puchong, Lestari Puchong, Matara Indah & Saujana Puchong)

No.01, Jalan SP9/9, Taman Saujana Puchong, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
 Website : sct.saujanapuchong.googlepages.com/home
 (016-3268738, 019-3613244, 012-3072566, 012-2353280)

"Kekalkan hutan simpanan, mahu jalan, bukan kubur"

MEMORANDUM

Tarikh : 21 June 2010
 Kepada : YAB Tan Sri Dato' Abd. Khalid Ibrahim (Menteri Besar Selangor)
 Daripada : En. Lee Wai Hong

MENYERU KERAJAAN SELANGOR UNTUK MEWARTAKAN (GAZET) SEMULA TAPAK PERKUBURAN KEPADA HUTAN SIMPANAN SEBELUM 21-07-2010

Memorandum kepada Surai dari Kamar Pemasihat Undang-Undang Negeri Selangor (No. Rujukan: PU/SEL/PEL/0021/06) bertarikh 20 April 2010 kepada SCT, Kerajaan Selangor sudah memutuskan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-5/2010 pada 03-02-2010 dan mengemukakan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-6/2010 pada 10-02-2010 perkara berikut:

- i. Mewartakan semula tapak cadangan perkuburan dalam bekas Hutan Simpanan Ayer Hitam sebagai Hutan Simpanan Ayer Hitam
- ii. Mewartakan pengelasan hutan kawasan ini sebagai Hutan Lipar; dan
- iii. Perancangan dan penguasaan kawasan di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan UPM

Diwajibkan Surai dari Kamar Pemasihat Undang-Undang Negeri Selangor ini (No. Rujukan: PU/SEL/PEL/0021/06), dalam Sebutan Kes pada 16-03-2010, Mahkamah Tinggi membenarkan Kes Semakan Kebiasaan (Judicial Review) SCT terhadap Kerajaan Selangor (MFT3-25-35-2006) ditamatkan dari Peringkat Sebutan Kes (Case Mention) iaitu "Peringkat Perincian Untuk Perbicaraan Kes" kepada Peringkat Penguasaan Kes (Case Management) iaitu "Peringkat Perbicaraan Untuk Penyelesaian Luar Mahkamah" di mana tarikh Penguasaan Kes ditetapkan pada 27-04-2010.

Penguasaan Kes pada 27-04-2010 terpaksa ditangguhkan lagi oleh Mahkamah Tinggi ke 27-05-2010 kerana Kerajaan Selangor belum mewartakan (gazet) semula tapak cadangan perkuburan dalam bekas Hutan Simpanan Ayer Hitam sebagai Hutan Simpanan Ayer Hitam.

Lebih malang lagi, Penguasaan Kes pada 27-05-2010 terpaksa ditangguhkan lagi ke 21-07-2010 di atas ALASAN yang sama.

Signature Campaign Teamwork (SCT)
 (Bender Bahli Puchong, Gateway Puchong, Lestari Puchong, Matara Indah & Saujana Puchong)

No.01, Jalan SP9/9, Taman Saujana Puchong, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan.
 Website : sct.saujanapuchong.googlepages.com/home
 (016-3268738, 019-3613244, 012-3072566, 012-2353280)

"Kekalkan hutan simpanan, mahu jalan, bukan kubur"

SCT, mewakili penduduk, ingin bertanya kepada Kerajaan Selangor:

- 1. Mengapa dalam masa yang begitu panjang (16-03-2010 hingga 27-05-2010), Warta Semula tapak cadangan perkuburan dalam bekas Hutan Simpanan Ayer Hitam sebagai Hutan Simpanan Ayer Hitam tidak dapat diselesaikan?
- 2. Bolehkah Kerajaan Selangor menyelesaikan Warta Semula tapak cadangan perkuburan dalam bekas Hutan Simpanan Ayer Hitam sebagai Hutan Simpanan Ayer Hitam sebelum 21-07-2010?

SCT bersama-sama penduduk MENYERU Kerajaan Selangor supaya mengawaji Pegawai Kerajaan Yang Bertanggungjawab SECARA LEBIH KETAT agar Warta Semula tapak cadangan perkuburan kepada Hutan Simpanan Ayer Hitam diselesaikan sebelum 21-07-2010 SUPAYA Pencyelesaian Luar Mahkamah tidak ditangguhkan lagi.

Sekian Terima Kasih

Yang benar,


 En. Lee Wai Hong (Pengerusi)

Memorandum pihak SCT Saujana Puchong kepada kerajaan negeri pada 21 Jun 2010, menuntut pewartaan semula kawasan tapak projek: "Memorandum that will be handed to Menteri Besar Office on 21 June 2010" (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 21 Jun 2010:

"Documents For 20 June 2010 Press Conference").

Liputan akhbar:-






Kiri: The Star, 21 Jun 2010

(Sumber: Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 22 Jun 2010:

"The newspaper reports on 20 June 2010 press conference").

2010-07-22: Pewartaan Hutan Simpan Ayer Itam Tambahan





Akhirnya, 6 tahun selepas penubuhan Signature Campaign Teamwork/SCT (2004-2010), kawasan tersebut telah diwartakan semula sebagai Hutan Simpan Ayer Itam (Tambahan) pada 22 Julai 2010, sekaligus merasmikan pembatalan projek perkuburan di situ. Berikutan itu, kes bantahan di mahkamah juga turut digugurkan. Butiran warta: *“Menurut seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] seperti yang diterima pakai oleh Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 [En.5/1985], Pihak Berkuasa Negeri Selangor mengisytiharkan bahawa kawasan tanah yang diperihalkan dalam Jadual, dijadikan sebagai hutan simpanan kekal yang dikenali sebagai Hutan Simpan Ayer Hitam (Tambahan) mulai dari tarikh penyiaran pemberitahuan ini dalam Warta. JADUAL: Daerah - Petaling. Mukim - Petaling. No. Pelan - Pelan Warta No. 1554 (disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor). Kawasan dijadikan - Kawasan yang sempadannya bergaris tebal. Luas - lebih kurang 22,260 hektar (55,000 ekar). Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, dengan ini mengelaskan hutan simpanan kekal yang diperihalkan dalam Jadual, sebagai hutan lipur mulai dari tarikh penyiaran pemberitahuan ini dalam Warta. JADUAL: Daerah - Petaling. Mukim - Petaling. No. Pelan - Pelan Warta No. 1555 (disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Selangor). Kawasan dijadikan - Kawasan yang sempadannya bergaris tebal. Luas - lebih kurang 22,260 hektar (55,000 ekar).”* (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 26 September 2010:

|

["Out-Of-Court Settlement After 6 Long Years of Struggle"](#)).

Liputan media:-



The Star, 29 September 2010 (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 30 September 2010:

"News Report on 26 Sept 2010 Press Conference").





Kiri: Peta lokasi tapak cadangan perkuburan, berdasarkan gambar satelit tahun 2007 (Ditandakan dengan sempadan biru): *"The location from Google Earth"* (Signature Campaign Teamwork (SCT) Saujana Puchong, 16 Ogos 2007:

["Protest in Lestari Puchong on 12 August 2007"](#)).

Kanan: Peta lokasi cadangan perkuburan, kini (Ditandakan dengan sempadan biru). Tampaknya kembali sebagaimana asalnya, dan masih terpelihara ([Google Maps, 2024](#)).

From:
<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:
https://bangi.pulasan.my/hutan_ayer_itam_t?rev=1724513679

Last update: **2024/08/24 23:34**

